

09/08/1998

Gadai barang kemas di luar negara: PM

Faizal Fadzil; R Magendran

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta wanita Malaysia menggadai barang kemas masing-masing di luar negara buat sementara waktu dan membawa pulang wang berkenaan bagi membantu membiayai aktiviti ekonomi negara.

Sambil menyifatkan langkah itu sebagai satu bentuk patriotisme yang tertinggi, Perdana Menteri berkata, dana yang terkumpul menerusi langkah itu boleh dipinjamkan bagi membantu membiayai usahawan menjalankan perniagaan, sekali gus memulihkan semula ekonomi negara.

Dr Mahathir yakin, masih banyak lagi kekayaan tersembunyi di dalam negara yang boleh diserapkan ke dalam sistem bagi membantu usaha pemulihan ekonomi negara.

"Saya tak suruh derma. Saya minta anda tukarkan kepada tunai... bukan untuk jual dan bukan untuk digadaikan dalam negara.

"Kalau kita gadai barang ini, kita dapat duit. Tetapi jika dilakukan dalam negara ia hanya memindahkan wang yang sama dari satu poket ke poket yang lain.

"Tidak ada peningkatan dalam simpanan wang kita. Apa yang ingin saya cadangkan ialah semua wanita pelbagai bangsa yang bersemangat patriotik memanfaatkan sepenuhnya harta yang dimiliki untuk menambah dana dari luar negara.

"Mereka perlu ke luar dan mengatur supaya barang kemas mereka digadaikan sementara di luar negara dan bawa balik wang ke dalam negara. Apabila keadaan semakin pulih, anda boleh dapatkan balik barang kemas itu," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC di sini, semalam.

Hadir sama Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Sebelum ini, Perdana Menteri pernah meminta orang ramai khususnya suri rumah menyumbang barang kemas mereka untuk membantu kerajaan menangani masalah ekonomi negara.

Dr Mahathir menganggap, tindakan itu penting bagi membantu negara menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh pihak tertentu untuk menyekat usaha kerajaan mengumpul dana di luar negara.

Beliau juga menyifatkan langkah itu sebagai satu sumbangan realistik bagi membantu menambah modal usahawan negara. Bagaimanapun, beliau berkata, itu adalah satu cadangan dan rakyat tidak dipaksa berbuat demikian.

Selain itu, Perdana Menteri turut memberi penjelasan kepada perwakilan perhimpunan itu mengenai keadaan ekonomi negara ketika ini, usaha yang dilakukan kerajaan untuk memulihkannya serta tindakan pihak asing untuk menggagalkan usaha itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin usaha pemulihan ekonomi akan mendapat kejayaan memandangkan rakyat kini bersatu teguh dan bekerjasama untuk membantu kerajaan mencapai matlamat berkenaan.

Mengenai MIC, Dr Mahathir menganggap parti itu banyak membuat sumbangan dalam pembangunan negara ini khususnya dalam bidang pembangunan sosial dan pendidikan.

Dr Mahathir mendedahkan usaha kerajaan untuk menaikkan pendapatan pekerja di negara ini turut terjejas berikutan serangan terhadap mata wang negara.

(END)